

## **Bab 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Latar belakang Ekonomi Malaysia**

Malaysia merupakan sebuah negara kecil yang mempunyai ekonomi yang terbuka. Perdagangan Malaysia dengan negara luar bermula semenjak zaman Kesultanan Melaka lagi. Kedudukannya yang strategik di antara dua lautan iaitu Lautan Hindi dan Lautan China Selatan adalah faktor penting yang menjadikan ia pusat pertemuan perdagangan sama ada dari Barat mahupun Timur.

Walaupun zaman kegemilangan Melaka telah berlalu, tumpuan pedagang dan pelabur dunia masih diberikan kepada Malaysia. Kedudukan Malaysia di Asia Tenggara, di mana ia dikelilingi oleh negara-negara yang mempunyai ciri-ciri geografi dan ekonomi yang hampir serupa mewujudkan persaingan dalam menarik perdagangan luar dan pelaburan asing. Walau bagaimanapun, ekonomi negara ini berbanding dengan negara-negara Asia Tenggara yang lain dibezakan oleh beberapa faktor seperti keterbukaan ekonomi Malaysia terutamanya selepas kemerdekaan 1957, kestabilan politik dan ekonomi, kekayaan sumber alam, kemudahan infrastruktur yang baik, kos buruh yang murah dan polisi-polisi aktif yang dimainkan oleh kerajaan Malaysia dalam menarik lebih ramai pelabur.

Ekonomi Malaysia telah melalui beberapa transformasi sebelum menjadi sebuah ekonomi yang kuat seperti sekarang. Profil ekonomi Malaysia telah berubah secara signifikan melalui empat dekad transformasi semenjak 1957. Perubahan dalam struktur ekonomi bermula dengan sejarah Malaysia sebagai pengeluar komoditi utama seperti

getah dan bijih timah. Perdagangan dan pelaburan banyak ditumpukan di dalam kedua-dua komoditi utama ini terutamanya pada tahun 1960an. Pada tahun 1970 sehingga 1980 menyaksikan pergantungan yang kuat ekonomi Malaysia kepada sektor pembuatan. Manakala pada tahun 1980 sehingga 1990, dengan pelancaran Pelan Induk Perindustrian Pertama dan Kedua (OPP1 dan OPP2), sektor pembuatan adalah berasaskan kluster.

Dari banyak segi, ekonomi Malaysia telah menunjukkan pertumbuhan yang baik bukan sahaja dari segi pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar tetapi juga di dalam bidang sektor dan pembangunan sosial yang lain. Sejak dari selepas kemerdekaan 1957, ekonomi bertumbuh relatifnya pada kadar yang tinggi, pada purata enam peratus setahun pada tahun 1960an. Ia bertambah kepada 6.8 peratus setahun pada tahun 1970an. Pada suku pertama tahun 1980an pertumbuhan masih masih pada kadar yang berpatutan iaitu 6.6 peratus tetapi berkurangan berikutan resesi yang berlaku pada tahun 1985-1986. Pada tahun 1988 ekonomi telah pulih semula dan mencatatkan pertumbuhan yang pesat iaitu pada kadar 8.7 peratus setahun (Jadual 1.1).

Semenjak sepuluh tahun yang lepas, ekonomi Malaysia telah mencapai purata pertumbuhan iaitu sebanyak 7 peratus, manakala Keluaran Dalam Negara Kasar adalah mencecah RM209.3 billion pada tahun 2000. Eksport dan import adalah sebanyak RM372.8 billion dan RM293.3 billion yang menjadikan Malaysia antara 20 negara utama perdagangan dunia (MIDA 2000)

Jadual 1.1 Petunjuk Ekonomi Malaysia

	1970	1980	1990	1995	2000
Penduduk(juta)	10.39	13.70	18.10	20.67	23.3
KDNK (juta)	12 155	53 308	119 081	22 472	209.3
Pertumbuhan KDNK	7.6	7.6	8.8	8.5	8.5
Pendapatan Perkapita (RM juta)	1 130	3 647	6 229	10 252	13 361
Tenaga buruh (juta)	5.2	5.5	6.7	7.9	9.6
Pengangguran(%)	5.6	5.3	5.1	2.8	3.1
Jumlah eksport (f.o.b)(juta)	5.6	30.6	88.3	124.3	372.8
Jumlah import (f.o.b)(juta)	5.4	29.3	89.5	127.5	293.3

Sumber: Quarterly Economic Bulletin , Bank Negara Malaysia

Di dalam melangkah ke era informasi dan mencapai hasrat kerajaan dalam menjadi negara yang maju menjelang tahun 2020, transformasi ekonomi negara semenjak tiga dekad yang lalu adalah menakjubkan. Berdasarkan pencapaian tersebut disamping kestabilan politik, keadaan ekonomi dan suasana perniagaan yang meyakinkan, Malaysia telah dapat menarik banyak kemasukan modal asing terutamanya pelaburan langsung asing (FDI). Menurut laporan MIDA, sehingga akhir tahun 2000, syarikat-syarikat multi nasional lebih daripada 40 buah negara telah melabur lebih daripada 3000 projek di dalam sektor pembuatan di negara Malaysia (MIDA 2000)

Kemasukan FDI telah menjadi penyumbang utama pertumbuhan ekonomi dan telah menjadi sesuatu yang signifikan di negara yang membangun seperti Malaysia. FDI menjadi sesuatu yang penting kerana ia lebih berkait dengan pelaburan jangka panjang dan menyumbang secara langsung kepada peningkatan stok modal yang produktif pembangunan teknologi dan kemahiran serta menjadi pintu masuk kepada pasaran dunia

## 1.2 Definisi FDI

Sebelum meneruskan perbincangan tentang FDI di dalam bab-bab yang seterusnya, definisi FDI perlu diambil perhatian. FDI<sup>1</sup> secara umumnya melibatkan pengambilalihan pengeluaran oleh firma asing di dalam sesebuah negara sama ada dikawal sepenuhnya oleh firma asing ataupun secara usaha sama dengan firma tempatan. Walau bagaimanapun, terdapat banyak definisi yang digunakan untuk mentakrifkan FDI, namun hanya tiga yang dikemukakan di dalam kajian ini.

Salah satu definisi yang dikemukakan oleh IMF ialah FDI merupakan pengaliran masuk pelaburan dari negara luar termasuklah modal ekuiti baru, pendapatan yang dilaburkan semula dan pinjaman jangka pendek dan jangka panjang yang dipinjam dari syarikat induk atau cawangannya.

Kojima (1978) mendefinisikan FDI sebagai transmisi ke negara penerima pelaburan dalam bentuk pakej modal, kemahiran pengurusan dan pengetahuan teknikal. Manakala Ariff (1992) menyatakan FDI sebagai satu pelaburan langsung dari satu negara di mana firma dari sesuatu negara mendirikan cawangannya di negara lain. Pelaburan asing ini telah menyumbang dengan signifikannya bukan sahaja kepada pertumbuhan ekonomi negara tetapi turut menstrukturkan semula ekonomi di sesebuah negara tersebut.

Di dalam kajian ini, takrifan FDI oleh Ariff (1992) digunakan. Ini kerana berbanding ketiga-tiga definisi yang dikemukakan definisi Ariff adalah lebih sesuai untuk menilai kesan kemasukan FDI di dalam kes Malaysia

---

<sup>1</sup> Menurut Chakwin dan Hamid (1997), FDI terdapat sekurang-kurangnya 3 jenis iaitu pencarian sumber semulajadi, pencarian pasaran tempatan dan FDI yang berorientasi eksport.

### **1.3 Perbandingan FDI dan PFI**

Selepas Perang Dunia Kedua, FDI merupakan pelaburan asing yang paling dominan. Ini kerana terdapat beberapa ciri yang menjadikan pelaburan asing lebih digemari berbanding dengan pelaburan portfolio asing.

FDI secara umumnya melibatkan jenis pelaburan benar di dalam asset yang dapat dilihat seperti kilang, mesin atau tanah. Manakala PFI (Pelaburan portfolio asing) melibatkan pelaburan kewangan di dalam stok atau bon.

Berbeza dengan pelaburan portfolio, FDI tidak selalunya bertujuan untuk membuat spekulasi dan mendapatkan keuntungan yang berisiko. Manakala PFI lebih kepada tujuan spekulasi dan mendapatkan keuntungan yang berisiko menyebabkan ia adalah sangat sensitif kepada keadaan kewangan antarabangsa. Modal di dalam PFI juga boleh ditarik dengan cepat dari sesebuah negara. Oleh itu, FDI lebih signifikan di negara-negara yang membangun kerana ia lebih stabil dan berkait rapat dengan pelaburan jangka panjang yang mempunyai potensi untuk mencipta lebih banyak faedah dan kesan yang positif.

### **1.4 Objektif**

Objektif-objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. mengkaji secara deskriptif latar belakang kemasukan FDI, profil serta kelebihan dan kekurangan kemasukan FDI.
2. mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi kemasukan FDI ke Malaysia.
3. menganalisa kesan-kesan hasil kemasukan FDI ke Malaysia secara ekonometrik dari tiga saluran utama iaitu sektor benar, sektor kewangan dan pengeluaran.

4. merumuskan implikasi daripada kesan-kesan kemasukan FDI

### **1.5 Organisasi Kajian**

Organisasi di dalam kajian ini dibahagikan kepada tujuh bab. Bab pertama membincangkan tentang latar belakang ekonomi Malaysia secara keseluruhan disamping memasukkan beberapa definisi FDI. Bab ini turut membincangkan objektif kajian ini dilakukan.

Di dalam bab 2, kajian empirikal yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji yang lepas telah dimasukkan di dalam bab ini. Hipotesis-hipotesis serta model-model yang telah digunakan oleh pengkaji yang lepas akan diperbincangkan.

Manakala di dalam bab 3, latar belakang dan perkembangan pelaburan asing di Malaysia akan di kaji. Bab ini adalah untuk melihat latar belakang dan perkembangan FDI di Malaysia semenjak sebelum merdeka sehinggalah sekarang. Selain daripada itu, profil negara penyumbang FDI dan taburan sektor kemasukan FDI serta sumbangan FDI turut dimasukkan.

Teori dan pembentukan model dibincangkan di dalam bab 4. Teori-teori melibatkan faktor kemasukan FDI dan kesan-kesan ke atas ekonomi Malaysia. Manakala di dalam bab 5 metodologi kajian membincangkan cara penggunaan data, regresi dan beberapa ujian yang telah digunakan.

Penemuan empirikal diperbincangkan di dalam bab 6. Hasil keputusan regresi dianalisa dan diperbincangkan secara ekonomi dan statistik. Bab 7 yang merupakan bab terakhir meringkaskan penemuan utama di dalam kajian dan implikasinya. Cadangan-cadangan dari penulis turut disertakan di dalam bab ini.